

‘Najib ada kuasa, pengaruh untuk kacau hidup saya’

Kuala Lumpur: Bekas Pegawai Khas Datuk Seri Najib Razak, Datuk Amhari Efendi Nazaruddin menyifatkan Najib ada kuasa dan pengaruh untuk mewujudkan kekacauan dalam hidupnya.

Amhari Efendi, 43, berkata walaupun tidak merasakan ancaman langsung secara peribadi daripada Najib, beliau (Najib) selaku Perdana Menteri ketika itu ada kuasa untuk berbuat demikian.

Amhari Efendi berkata demikian ketika disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram pada perbincaran kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sementara itu, Amhari Efendi berkata, beliau menerima ancaman daripada pihak berkepentingan dalam perbincaran kes berprofil tinggi itu yang turut dikenali dengan nama ‘Perbincaran Tanore’.

Menjawab soalan Sri Ram, apa yang dimaksudkan dengan ancaman, Amhari Efendi menjawab, ‘Saya tersepit di tengah.’

“Dalam situasi sekarang, tak kira apa yang dilakukan, saya akan tetap berdepan dengan ancaman.

“Saya menganggap diri saya tersepit di tengah-tengah, sebab apabila

ditanya mengenai ancaman, setiap pilihan akan terdapat ancaman.

“Apa yang saya lakukan adalah berpegang kepada agama untuk menyelamatkan saya,” katanya.

Sri Ram: Ancaman daripada siapa?

Amhari: Mereka yang berkepentingan dalam kes ini.

Sri Ram: Adakah salah satu yang berkepentingan itu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)? Adakah termasuk itu?

Amhari: Tidak.

Sri Ram: Jadi siapa?

Amhari: Sama ada kerajaan sekarang atau yang memerintah sebelum ini.

Sri Ram: Anda pernah menyatakan ‘demi menghormati bos saya’ apa yang anda maksudkan?

Amhari: Saya tidak merasakan terdapat ancaman peribadi daripada Najib. Tetapi sebagai Perdana Menteri (ketika itu), beliau memiliki kuasa yang diperlukan untuk mewujudkan ketidakstabilan (dalam hidup saya). Saya bercakap ini secara sopan.

Sri Ram: Apa yang dimaksudkan dengan ketidakstabilan?

Amhari: Kepada kehidupan saya, kerana seorang Perdana Menteri boleh melakukan banyak perkara dan mempunyai sokongan.

Ketika ditanya Sri Ram sama ada Najib menerima amaran mengenai Jho Low daripada beberapa individu, Amhari menjawab: “Saya tak pasti kekerapannya, tetapi ya”.

Sri Ram: Daripada pengalaman anda bekerja dengan tertuduh sebagai Perdana Menteri, adakah beliau sering menerima taklimat daripada agensi perisikan?

Amhari: Saya kurang pasti berapa kali tetapi saya pasti beliau menerima maklumat daripada perisikan.

Sri Ram: Adakah kamu sedar terdapat artikel menyatakan seseorang pernah memberi amaran kepada tertuduh (mengenai Jho Low)?

Amhari: Saya tidak tahu, bagaimanapun berdasarkan pengalaman saya, terdapat dua kejadian di mana Najib pernah diberikan amaran mengenai Jho Low, na-

mun beliau (Najib) hanya berdiam diri.

Amhari Efendi berkata, kejadian pertama ialah apabila bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda mempersoalkan mengenai Jho Low kepada Najib dalam satu mesyuarat di rumahnya (Najib).

Saksi itu berkata, beliau turut hadir pada mesyuarat itu yang membincangkan usaha sama dengan International Petroleum Investment Co (PIC).

“Arul mempersoalkan kepada Najib sama ada Jho Low boleh dipercayai atau tidak. Perbincangan ketika itu mengenai unit dana yang diketengahkan kepada PM.

“Insiden kedua apabila bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, memanggil saya masuk biliknya selepas mengetahui saya menguruskan proses mediasi dengan IPIC.

“Johari yakin untuk meneruskan mediasi dan memenangi kes itu, namun pandangannya tidak diambil kira (oleh Najib). Najib juga pendengar yang baik, namun beliau hanya berdiam diri (ketika bertemu Arul Kanda),” katanya.

Amhari Efendi berkata, Najib masih meneruskan kerjasamanya dengan Jho Low walaupun selepas mengetahui ahli perniagaan itu

menipu bekas Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud.

Sri Ram turut menyoal saksi berhubung keterangannya sebelum ini bahawa Jho Low dan Datin Seri Rosmah Mansor adalah rapat, malah Amhari Efendi pernah mendengar perbualan telefon antara kedua-dua individu itu.

Sri Ram: Pada pemeriksaan balas, kamu kata Jho Low terima panggilan telefon dan kamu tahu ia daripada Rosmah. Macam mana kamu tahu?

Amhari: Suara dia sangat unik. Daripada cara percakapan saya boleh tahu ia Rosmah. Jho Low pun cakap ia Rosmah.

Sri Ram: Adakah kamu biasa dengan suara dia?

Amhari: Ya.

Sri Ram: Dalam bentuk dan cara apa kamu kenal suara dia?

Amhari: Beliau pernah telefon saya sebelum ini, saya kenal suara dia dalam telefon.

Perbincaran di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung Isnin depan.